

25/11/1999

Mahathir dedah kebodohan Pas tulis surat palsu

PETALING JAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, surat palsu kepada Perdana Menteri Israel yang menggunakan namanya adalah bukti pembohongan dan kebodohan pemimpin Pas.

Perdana Menteri berkata, isi surat itu yang mendakwa beliau berjanji untuk membenarkan tentera Amerika Syarikat ditempatkan di Malaysia juga adalah tidak benar.

"Mereka nak tipu ... saya tidak pernah panggil Perdana Menteri dengan perkataan honourable, tetapi excellency.

"Wahai Pas, tolonglah belajar bagaimana kita tulis surat rasmi. Kalau awak (Pas) begitu bodoh, jangan cuba nak berbohong," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan mengenai surat yang menggunakan kepala surat pejabat Perdana Menteri di Putrajaya kepada Ehud Barak, yang diedarkan menerusi Internet, ketika berucap pada Perhimpunan Rakyat Bersama Perdana Menteri, di sini malam tadi.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan calon Barisan Nasional (BN) yang akan bertanding pada pilihan raya umum, Isnin ini.

Surat bertarikh 16 Ogos 1999 yang ditulis dalam bahasa Inggeris dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu antara lain menyatakan, Perdana Menteri sebagai mewakili Umno, BN, kerajaan dan rakyat Malaysia, ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pemilihan Barak sebagai Perdana Menteri.

Dr Mahathir menjelaskan, kalau beliau tulis bagi pihak Perdana Menteri, beliau tulis bagi pihak kerajaan bukan bagi pihak Umno atau BN.

"Balik pergi sekolahlah. Awak (Pas) suka berbohong tidak tahu tulis surat baik dalam bahasa Inggeris mahupun bahasa Melayu ... awak bodoh," katanya disambut dengan sorakan lebih 2,000 pemimpin dan penyokong BN.

Perdana Menteri berkata, surat itu ternyata satu pembohongan besar yang dibuat oleh Pas kerana menggunakan nama Mahathir Mohamad sedang dalam surat rasmi beliau sering menulis Mahathir bin Mohamad.

Sehubungan itu, Dr Mahathir meminta penyokong Pas yang taksub dengan pemimpin parti berkenaan supaya sedar bahawa pemimpin mereka sentiasa melemparkan pelbagai tuduhan palsu terhadap kerajaan.

"Kalau mereka (Pas) berani menipu macam ini ... tipu saya sudah mati, percayalah apa yang dikatakan oleh Pas adalah satu perbohongan semata-mata," katanya.

(END)